

## **PRELIMINARY FIELDWORK: INTERNATIONAL GEOMAPPING JELI**

***Arham Muchtar Achmad Bahar, Dr. Wani Sofia Udin  
& Farhana Malik***

**P**rogram Preliminary Fieldwork International Geomapping Jeli adalah program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Fakulti Sains Bumi melalui Jabatan Geosains. Program ini dijadualkan secara berkala selama 8 hari (Siri 1: 19 & 20 Mac; Siri 2: 26 & 27 Mac; Siri 3: 31 Mac - 3 April 2021). Lokasi program adalah di sekitar Jeli yang sememangnya terkenal dengan kepelbagaiannya geologi yang lengkap selain faktor keselamatan dan sokongan infrastruktur yang bersesuaian.



Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mempersiapkan 48 pelajar tahun 2 Program Geosains dengan kemahiran asas pemetaan geologi sebelum mengikuti program pemetaan sebenar iaitu *Program International Geomapping Jeli* (IGJ) sebaik selesai sesi latihan tersebut. Adalah penting untuk menyelaraskan keseragaman akademik pendidikan dan pembelajaran dalam program Geosains khasnya dalam bidang pemetaan geologi. Selain itu, di akhir program pelajar dapat memupuk kemahiran insaniah dan prinsip bekerjasama dalam melakukan kerja-kerja lapangan.

Fakulti Sains Bumi dengan kerjasama negeri dan pelbagai pihak berwajib telah memberi sokongan yang penuh dalam menjamin keselamatan dari awal pelaksanaan hingga tamat program.



